

mereka baik-baik dan bersih. Mereka kelihatan sangat makmur dan berpengaruh. Golongan kedua ialah bangsa Cina, iaitu kaum pelarian dari negeri China. Di negeri ini mereka mendapat hidup yang baik. Pakaian mereka pun bersih. Banyak pula di antara mereka yang telah menukar agamanya dengan agama Islam. Mereka kelihatan amat rajin mengamalkan rukun-rukun Islam itu. Golongan ketiga ialah anak negeri sendiri. Mereka ini (kebanyakan) sangat kotor dan buruk. Apabila mereka pergi ke mana-mana, tidak pernah menyisir rambutnya. Mereka tidak pula memakai kasut, mereka menyembah segala macam hantu. Negeri ini memang sudah tertulis dalam buku agama Buddha sebagai negeri syaitan”.

Demikianlah pandangan yang diberi oleh duta China itu tentang keadaan masyarakat Kepulauan Melayu. Dan di sini kelihatan pula, bagaimana usaha Malik Ibrahim. Usaha penyebaran Islam, yang dijalankannya (meliputi) dalam kalangan bangsa Cina yang di negeri (di pulau-pulau) ini.

### **Kemiskinan Sejarah Kita**

Apabila diperhatikan, nyatalah bahawa usaha Maulana Malik Ibrahim itu adalah sebesar-besar usaha di Kepulauan Melayu, maka selayaknya orang besar Islam yang terkemuka ini mendapat tempat dan mendapat perhatian yang istimewa dari semua pencinta sejarah. Bagi perkembangan kebudayaan kita, juga tidak kecil bahkan amat besar pula nilainya. Apalagi bila dilihat dari segi kaum Muslimin yang sampai sekarang menjadi penduduk yang terbesar di seluruh Indonesia. Maulana Malik Ibrahim ialah juru perubahan besar. Orang yang telah mengubah sajarah tanah air kita dari Hindu – Buddha menjadi Islam.

(Dari buah kalam Tuan Haji “Tamar Jaya” dalam majalah “al-Islām” Medan)

## **Kenyataan kepada Anggota-anggota**

### **Ikhwan**

Pimpinan Ikhwan dari satu ke satu masa berharap mendapat kerjasama dari anggota Ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara yang di luar Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Prof Abdul Kahar Muzakkar telah kami siarkan.

Yang kedua – risalah “Kesedaran” telah kami siarkan dan telah mendapat perhatian.

Yang ketiga ucapan Kiyai Muhammad Arshad Talib Lubis sudah kami usahakan, juga ucapan Kiyai Naṣr al-Dīn Laṭīf tentang “Rumahtangga” sedang kami usahakan untuk dibukukan.

Bagi satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya daripada anggota Ikhwan tetapi kami meminta tiap-tiap seorang menghantarkan *stamp* 10 sen untuk belanja mengirimnya – lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwan mendapat faedah dan manfaatnya dengan tidak berbelanja – selain daripada setem.

Pintalah kepada:

IKHWAN

356 & 358, Geylang Rd,

Singapore – 14.